

# Kesusasteraan Melayu (922)

## PRESTASI KESELURUHAN

Sebanyak 7345 calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini pada tahun 2011. Peratusan calon yang lulus penuh dalam mata pelajaran ini pada tahun 2011 ialah 66.51%, iaitu meningkat 0.14% berbanding dengan 66.42% pada tahun 2010.

Pencapaian calon bagi mata pelajaran ini mengikut gred adalah seperti yang berikut.

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C--	D+	D	F
Peratusan	6.03	4.85	8.09	8.64	12.49	13.46	12.54	10.26	8.83	5.81	9.00

## RESPONS CALON

### KERTAS 922/1 (KESUSASTERAAN MELAYU TRADISIONAL)

#### *Komen am*

Secara keseluruhannya, mutu jawapan calon bagi kertas ini pada tahun ini adalah lemah. Antara kelemahan calon yang dikesan termasuklah tidak membuat perancangan sebelum menjawab. Hal ini menyebabkan jawapan calon bercampur aduk antara fakta, huraian dengan contoh. Hal ini berlaku disebabkan calon tidak menguasai teks kajian dan kurang pengetahuan, terutamanya terhadap sejarah kesusasteraan Melayu tradisional.

#### *Komen soalan demi soalan*

BAHAGIAN A: *Sejarah Kesusasteraan Melayu Tradisional*

#### **Soalan 1**

Soalan ini terbahagi kepada tiga bahagian. Soalan bahagian (a) menghendaki calon menyatakan dua jenis sastera epik. Kebanyakan calon tidak dapat mengemukakan jawapan. Antara jawapan yang sepatutnya termasuklah epik kebangsaan, epik Islam, dan epik berunsur Hindu.

Soalan bahagian (b) menghendaki calon menjelaskan empat ciri karya epik dengan mengemukakan contoh yang sesuai. Kebanyakan calon tidak dapat mengemukakan fakta ciri dan contoh sastera epik dengan baik. Terdapat calon yang tidak dapat membezakan ciri dengan jenis sastera epik. Antara jawapan yang sepatutnya termasuklah wira terdiri daripada manusia biasa, ideal, dan ada unsur sakti serta latar masa yang panjang.

Soalan bahagian (c) menghendaki calon membincangkan tiga kesan yang diperoleh daripada perwatakan wira. Kebanyakan calon tidak dapat mengemukakan fakta kesan yang diperoleh daripada perwatakan wira dengan baik. Antara jawapan yang sepatutnya termasuklah membina semangat cinta akan bangsa, menimbulkan kebanggaan bangsa, dan menimbulkan semangat juang bangsa.

## Soalan 2

Soalan ini terbahagi kepada dua bahagian. Soalan bahagian (a) menghendaki calon menghuraikan tiga kepercayaan masyarakat yang menjadikan rakyat setia kepada raja. Kebanyakan calon tidak dapat mengemukakan jawapan dengan baik. Antara jawapan yang sepatutnya termasuklah percaya bahawa raja ada tulah, raja dianggap suci atau devaraja, dan percaya pada waadat.

Soalan bahagian (b) menghendaki calon membincangkan empat gambaran kesetiaan rakyat terhadap raja yang membawa kestabilan negara. Kebanyakan jawapan calon tidak menepati kehendak soalan terutama dalam konteks kestabilan negara. Antara jawapan yang sepatutnya termasuklah Tun Perak tidak menderhaka apabila anaknya dibunuh, Hang Tuah membunuh Hang Jebat yang menderhaka, Tun Biajid tidak membunuh Sultan Mahmud Syah yang bermukah dengan isterinya, dan Hang Tuah menerima hukuman bunuh akibat fitnah tanpa bantahan.

### BAHAGIAN B: *Karya Agung Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*

#### Soalan 3

Soalan ini berdasarkan pernyataan bahawa keistimewaan teks *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)* terletak pada isi dan tujuan isi tersebut ditulis. Soalan ini menghendaki calon menjelaskan pernyataan tersebut dengan mengemukakan contoh-contoh yang sesuai. Kebanyakan calon dapat mengemukakan fakta, huraian, dan contoh dengan baik. Antara jawapan yang sepatutnya termasuklah kisah asal usul raja Melayu, pembukaan negeri, pengislaman raja Melayu secara luar biasa, jurai keturunan raja Melayu, dan kecemerlangan pemerintahan raja Melayu.

#### Soalan 4

Soalan ini terbahagi kepada dua bahagian yang berdasarkan petikan daripada teks *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*. Soalan bahagian (a) menghendaki calon menjelaskan dua peristiwa yang berkait dengan peristiwa dalam petikan. Kebanyakan calon tidak dapat mengenal pasti peristiwa berkenaan dengan baik. Antara jawapan yang sepatutnya termasuklah peristiwa Sultan Maliku'l-Mansur melawat Pasai dan Sultan Maliku'l-Mansur dihukum.

Soalan bahagian (b) menghendaki calon menghuraikan tiga pathos yang ditimbulkan oleh pengarang berdasarkan petikan. Kebanyakan calon tidak dapat mengesan unsur pathos yang terdapat dalam petikan. Antara jawapan yang sepatutnya termasuklah suasana di kubur yang memperlihatkan kesedihan watak Sultan Maliku'l-Mansur, dialog antara watak Sultan Maliku'l-Mansur dengan Sidi Asma Yaumi'd-Din yang memilukan, dan perbuatan Sultan Maliku'l-Mansur yang terbaring di sisi kubur Sidi Asma Yaumi'd-Din menimbulkan rasa hiba.

### BAHAGIAN C: *Prosa Melayu Tradisional*

#### Soalan 5

Soalan ini terbahagi kepada dua bahagian yang berdasarkan petikan "Hikayat Ahmad Muhammad" sebagaimana yang termuat dalam *Mutiara Sastera Melayu Tradisional*. Soalan bahagian (a) menghendaki calon menamakan orang tua yang dimaksudkan dalam petikan. Kebanyakan calon dapat menamakan watak Tuan Syekh Khialuddin sebagai jawapan.

Soalan bahagian (b) menghendaki calon menjelaskan empat peristiwa sebelum dan empat peristiwa selepas petikan. Kebanyakan calon dapat mengemukakan fakta peristiwa sebelum dan selepas petikan dengan

baik. Antara jawapan yang sepatutnya bagi peristiwa sebelum petikan termasuklah peristiwa nakhoda mengarahkan Ahmad dan Muhammad dibunuh, Nisumbli mendedahkan rancangan jahat nakhoda, Ahmad dan Muhammad melarikan diri, serta Ahmad dan Muhammad bersembunyi di dalam gua. Bagi peristiwa selepas petikan pula termasuklah Ahmad dan Muhammad keluar dari dalam gua, pertempuran Ahmad dan Muhammad dengan musuhnya, Ahmad dan Muhammad mengalahkan musuhnya, serta Ahmad dan Muhammad meneruskan perjalanan.

### **Soalan 6**

Soalan ini berdasarkan teks “Bustan al-Salatin (Bab III Fasal 2)” sebagaimana yang termuat dalam *Mutiara Sastera Melayu Tradisional*. Soalan ini menghendaki calon membincangkan lima sifat yang perlu ada pada diri seorang raja, seperti yang terdapat dalam teks tersebut. Kebanyakan jawapan calon tidak menepati kehendak soalan. Antara jawapan yang sepatutnya termasuklah tidak menganiayai golongan yang lemah, tidak sombong, bijak membuat keputusan, berfikiran terbuka, dan bersikap merendah hati.

### **BAHAGIAN D: Puisi Melayu Tradisional**

#### **Soalan 7**

Soalan ini terbahagi kepada tiga bahagian yang berdasarkan petikan puisi gurindam seperti yang termuat dalam *Mutiara Sastera Melayu Tradisional*. Soalan bahagian (a) menghendaki calon menyatakan jenis puisi. Kebanyakan calon dapat menyatakan jenis puisi, iaitu gurindam sebagai jawapan.

Soalan bahagian (b) menghendaki calon menghuraikan tiga unsur positif dalam puisi gurindam. Kebanyakan calon tidak dapat mengesan unsur positif yang terdapat dalam puisi tersebut. Antara jawapan yang sepatutnya termasuklah baka yang baik melahirkan keturunan yang baik, persekitaran yang baik melahirkan masyarakat yang baik, dan pemakanan yang baik melahirkan generasi yang baik.

Soalan bahagian (c) menghendaki calon menjelaskan lima perbuatan yang berunsur negatif dalam puisi. Kebanyakan calon dapat mengemukakan fakta dan huraian dengan baik. Antara jawapan yang sepatutnya termasuklah suka menghisap rokok, suka duduk di tembok, bercakap tidak cermat, sikap suka berhutang, dan suka memuji diri.

#### **Soalan 8**

Soalan ini terbahagi kepada tiga bahagian yang berdasarkan petikan puisi nazam seperti yang termuat dalam *Mutiara Sastera Melayu Tradisional*. Soalan bahagian (a) menghendaki calon menyatakan jenis puisi. Kebanyakan calon dapat menyatakan jenis puisi, iaitu nazam sebagai jawapan.

Soalan bahagian (b) menghendaki calon menerangkan empat struktur binaan puisi nazam. Kebanyakan calon dapat menerangkan struktur binaan puisi, iaitu dibina secara berangkap sebanyak tujuh rangkap, setiap rangkap terdiri daripada dua baris, setiap baris mempunyai lima hingga enam patah perkataan, dan mempunyai rima akhir yang sama sebagai jawapan.

Soalan bahagian (c) menghendaki calon menjelaskan empat maksud puisi yang dikemukakan, dan membincangkan kesan setiap maksud itu. Kebanyakan calon dapat mengemukakan fakta dan huraian dengan baik. Antara jawapan yang sepatutnya termasuklah kematian adalah sesuatu yang menyakitkan, peringatan tentang saat kematian sudah hampir apabila nyawa berada di halkum, orang yang sedar akan kesulitan hendak mati diminta selalu beramal, dan usah mengikut hawa nafsu kerana setiap yang hidup pasti mati.

## **KERTAS 922/2 (KESUSASTERAAN MELAYU MODEN)**

### ***Komen am***

Secara keseluruhannya, mutu jawapan calon bagi kertas ini adalah baik. Antara kelemahan jawapan calon yang dikesan termasuklah tidak menguasai istilah sastera. Hal ini menyebabkan calon mengemukakan fakta, huraian, dan contoh yang tidak tepat. Hal ini berlaku disebabkan calon kurang pengetahuan dalam bidang kesusasteraan Melayu moden.

### ***Komen soalan demi soalan***

**BAHAGIAN A: Sejarah Kesusasteraan Melayu Moden dan Kritikan Sastera**

#### **Soalan 1**

Soalan ini terbahagi kepada tiga bahagian yang berdasarkan institusi sastera, iaitu Gabungan Persatuan Penulis Nasional (GAPENA). Soalan bahagian (a) menghendaki calon memerihalkan latar belakang sejarah penubuhan GAPENA. Kebanyakan calon tidak dapat mengemukakan fakta tentang penubuhan GAPENA dengan tepat. Antara jawapan yang sepatutnya termasuklah tarikh dan tempat ditubuhkan, idea penubuhan, bilangan persatuan penulis seluruh Malaysia yang terlibat pada peringkat awal, tempat pusat kegiatan, dan nama Ketua I GAPENA yang pertama.

Soalan bahagian (b) menghendaki calon menyenaraikan empat tujuan penubuhan GAPENA. Kebanyakan calon tidak dapat mengemukakan jawapan dengan baik. Antara jawapan yang sepatutnya termasuklah menyatukan persatuan penulis di setiap negeri, menyatukan penulis yang menulis dalam bahasa Melayu dalam satu gabungan persatuan, memperjuangkan kepentingan penulis, dan mengadakan pelbagai peluang kepada penulis muda untuk mengembangkan bakat.

Soalan bahagian (c) menghendaki calon menghuraikan empat aktiviti yang dijalankan oleh GAPENA. Kebanyakan calon tidak dapat mengemukakan aktiviti yang dijalankan oleh GAPENA dengan baik. Antara jawapan yang sepatutnya termasuklah mengadakan bengkel penulisan, mengadakan pertandingan menulis dalam pelbagai genre, menganjurkan seminar bahasa, sastera, dan budaya, serta mengadakan lawatan ke luar negara untuk tujuan penyelidikan.

#### **Soalan 2**

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan lima ciri tulisan kritikan sastera. Kebanyakan calon tidak dapat mengemukakan jawapan dengan baik. Antara jawapan yang sepatutnya termasuklah kegiatan menganalisis, menilai, membandingkan karya, membuat saranan, dan menggunakan pendekatan tertentu.

**BAHAGIAN B: Novel dan Cerpen**

#### **Soalan 3**

Soalan ini terbahagi kepada empat bahagian yang berdasarkan petikan daripada novel *Saudagar Besar dari Kuala Lumpur*. Soalan bahagian (a) menghendaki calon menyatakan teori yang dikemukakan oleh Sudin. Kebanyakan calon tidak dapat mengemukakan teori tersebut, iaitu teori mendamaikan hubungan Rahim dengan ayahnya sebagai jawapan.

Soalan bahagian (b) menghendaki calon menjelaskan tiga sebab teori tersebut dikemukakan. Kebanyakan calon tidak dapat mengemukakan jawapan kerana tidak dapat mengenal pasti teori dalam soalan bahagian (a). Antara jawapan yang sepatutnya termasuklah Rahim tidak setuju bapanya melombong di Kampung Tualang, Rahim tidak setuju penduduk Kampung Tualang diminta menjual tanah kepada Encik Muhammad, dan Rahim tidak setuju penduduk Kampung Tualang disuruh berpindah.

Soalan bahagian (c) menghendaki calon menghuraikan empat kejayaan teori tersebut. Kebanyakan calon tidak dapat mengemukakan jawapan tentang kejayaan teori tersebut kerana tidak dapat mengenal pasti teori dalam soalan bahagian (a). Antara jawapan yang sepatutnya termasuklah Rahim dan Encik Muhammad bersetuju bahawa kepentingan penduduk Kampung Tualang adalah lebih diutamakan daripada kepentingan perniagaan semata-mata, Encik Muhammad bersetuju untuk membina satu kompleks di satu kawasan perlombongan, Rahim bersetuju untuk menetap di Kampung Tualang, dan Encik Muhammad tidak akan melombong di tanah wakaf Lebai Maarup.

Soalan bahagian (d) menghendaki calon menyatakan kesudahan hubungan Rahim dan Encik Muhammad selepas dialog. Kebanyakan calon tidak dapat mengemukakan jawapan tentang kesudahan hubungan Rahim dan Encik Muhammad, iaitu masing-masing bertolak ansur sebagai jawapan.

#### **Soalan 4**

Soalan ini terbahagi kepada tiga bahagian yang berdasarkan petikan dialog cerpen “Kuntum Perdamaian”. Soalan bahagian (a) menghendaki calon menyatakan maksud dengan “Peristiwa yang di luar jangkauan itu”. Kebanyakan calon dapat mengemukakan maksud, iaitu ibu Atiqah yang sedar daripada koma dan mampu menggerakkan jari telunjuknya sebagai jawapan.

Soalan bahagian (b) menghendaki calon menjelaskan tiga suasana masyarakat yang terdapat dalam petikan cerpen. Kebanyakan calon dapat mengemukakan jawapan dengan baik. Walau bagaimanapun, terdapat calon yang tidak dapat membezakan istilah suasana yang merujuk kepada gambaran fizikal yang berlaku dengan emosi. Antara jawapan yang sepatutnya termasuklah cemas, kelam-kabut, dan letih.

Soalan bahagian (c) menghendaki calon menghuraikan dua perwatakan Khadijah dan dua perwatakan Atiqah dalam cerpen. Kebanyakan calon dapat mengemukakan jawapan bagi kedua-dua watak dengan baik. Antara jawapan yang sepatutnya bagi perwatakan Khadijah termasuklah cinta akan ketenangan dan berperikemanusiaan. Bagi perwatakan Atiqah pula termasuklah berani dan tabah.

### **BAHAGIAN C: Drama**

#### **Soalan 5**

Soalan ini terbahagi kepada tiga bahagian yang berdasarkan drama “Lawyer Dahlan”. Soalan bahagian (a) menghendaki calon menjelaskan sangkaan Rahimah yang dianggap salah menurut pandangan Pak Hamid. Kebanyakan calon dapat mengemukakan sangkaan Rahimah yang dianggap salah, iaitu Pak Hamid berkawan dengan Datuk Bahnan menyebabkan suaminya mendapat biasiswa ke England sebagai jawapan.

Soalan bahagian (b) menghendaki calon mengemukakan tiga bukti yang menunjukkan kebenaran kata-kata Pak Hamid “...aku mesti berkhidmat kerana rakyat dan faedah rakyat. Apa guna aku seorang saja hidup senang, tapi rakyat jelata dan orang-orang kampung di sekelilingku hidup menderita?”. Kebanyakan calon dapat mengemukakan jawapan dengan baik. Antara jawapan yang sepatutnya termasuklah bersedekah kepada peminta sedekah, menderma kepada Zakiah dan Lebai Alang, dan menderma kepada Rahman.

Soalan bahagian (c) menghendaki calon menghuraikan lima nilai negatif masyarakat yang digambarkan dalam drama. Kebanyakan calon dapat mengemukakan jawapan dengan baik. Antara jawapan yang sepatutnya termasuklah menderhaka kepada ibu bapa, mengabaikan tanggungjawab terhadap keluarga, pecah amanah, tidak mengenang budi, dan lupa diri.

### Soalan 6

Soalan ini berdasarkan pernyataan bahawa dalam drama 'Malam ini Penyu Menangis', Noordin Hassan menggunakan pelbagai teknik yang menjadikan drama tersebut menarik dan tidak membosankan. Soalan ini menghendaki calon menjelaskan lima teknik yang digunakan dan kesannya dalam plot drama tersebut. Kebanyakan calon tidak dapat mengemukakan teknik dialog, imbas kembali, imbas muka, pemerian, dan dramatik sebagai jawapan.

### BAHAGIAN D: *Sajak*

#### Soalan 7

Soalan ini terbahagi kepada tiga bahagian yang berdasarkan sajak "Pada Setiap Kali Kau Tiba, Ogos". Soalan bahagian (a) menghendaki calon menghuraikan nada sajak. Kebanyakan calon dapat mengemukakan nada patriotik sebagai jawapan.

Soalan bahagian (b) menghendaki calon menjelaskan dua harapan penyair terhadap rakyat di negara ini dalam sajak. Kebanyakan calon dapat mengemukakan jawapan dengan baik. Antara jawapan yang sepatutnya termasuklah menghargai jasa pejuang tanah air yang terkorban dan semangat bersatu padu mempertahankan tanah air daripada penjajah.

Soalan bahagian (c) menghendaki calon menjelaskan lima unsur gaya bahasa dalam sajak dan menyatakan kesannya dengan memberikan contoh. Kebanyakan calon dapat mengemukakan unsur gaya bahasa dengan baik. Walau bagaimanapun, kebanyakan calon tidak dapat menyatakan kesan unsur gaya bahasa yang digunakan dalam sajak. Antara jawapan yang sepatutnya termasuklah perlambangan, metafora, personifikasi, asonansi, dan aliterasi.

#### Soalan 8

Soalan ini terbahagi kepada dua bahagian yang berdasarkan sajak "Kuali Hitam". Soalan bahagian (a) menghendaki calon menghuraikan citra yang terdapat dalam sajak. Kebanyakan calon tidak menguasai istilah citra. Hal ini menyebabkan calon memproses sajak tersebut dan mengabaikan aspek citra yang dikehendaki dalam soalan. Kebanyakan calon dapat menghuraikan sekurang-kurangnya dua citra sama ada kasih sayang, materialistik, atau penyesalan sebagai jawapan.

Soalan bahagian (b) menghendaki calon membincangkan dua persoalan yang ingin dikemukakan oleh penyajak dalam sajak. Kebanyakan calon dapat mengemukakan persoalan tentang kasih sayang seorang ibu kepada anak mengatasi kepentingan hidup ibu sendiri dan sikap anak yang tidak menghargai kasih sayang seorang ibu sebagai jawapan.